

Hubungan Kerenah Pelajar Dan Beban Tugas Dengan Tahap Stres Guru Di Sekolah Menengah; Abdul Said Ambotang, Norazizah Pilus, Christina Andin@Nur Qistina Abdullah

Abstract

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan kerenah pelajar dan beban tugas dengan tahap stres guru di sekolah di menengah kebangsaan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam menentukan perhubungan antara kesemua pemboleh ubah tidak bersandar (kerenah pelajar dan beban tugas) dengan pemboleh ubah bersandar (tahap stres). Sampel kajian ini telah diperolehi daripada guru-guru sekolah menengah kebangsaan di daerah Semporna, Sabah. Sebanyak 282 sampel telah diperolehi oleh penulis untuk diuji dalam kajian ini. Setiap hipotesis telah diuji dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Versi 18.0. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana, iaitu $r = 0.531$ di antara pemboleh ubah kerenah pelajar dengan tahap stres guru, hubungan yang signifikan pada tahap sederhana $r = 0.546$ di antara pemboleh ubah beban tugas dan tahap stres guru. Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan tinggi, kuat dan sangat ketara antara punca stres (kerenah pelajar dan beban tugas) $r = 0.720$.